

# Usaha pertama Persisi tingkatkan mutu silat

22 JAN 1981

**P**ENUBUHAN dua buah pasukan silat kebangsaan sebagai langkah pertama Persekutuan Silat Singapura (Persisi) bagi tahun ini merupakan satu penampungan yang baik untuk mengasah lagi para pesilat muda setempat.

Dan sudah menjadi matlamat Persisi sendiri selamaini untuk terus meninggikan mutu dan taraf persilatan di negara ini agar kesenian yang dipusakai itu akan terus berkembang dan semakin matang.

Malah, dari masa ke masa, Persisi akan terus menggerakkan jenteranya untuk menarik lebih ramai kaum belia dan beliawanis untuk mempelajari kesenian temurun itu.

Menurut Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, langkah menambahkan penyertaan para belia di alam persilatan yang selama ini dilaksanakan telah memberikan sambutan yang menggalakkan.

## Taraf kesenian

Bagaimanapun, dia merasa di masa-masa akan datang, peningkatan mutu dan taraf kesenian akan menjadi satu faktor penarik penyertaan bila masyarakat muda di sini semakin kritikal dalam pemilihan mereka.

Di masa-masa lalu dan hingga hari ini, salah satu daya penarik untuk meramaikan pelajar-pelajar silat ialah kadar bayarannya yang hampir tidak diumpamakan sangat.

Persisi dan badan-badan silat yang berselerak di sini belum lagi menjadikan kesenian ini sebagai satu bahan komersil dengan mengenakan bayaran yang mahal.

Menurut Encik Johari, lazimnya sesebuah perguruan silat hanya menerima bayaran dari penuntut mereka dalam bentuk 'derma ikhlas' yang dihulurkan.

Rata-rata, jika ada dikenakan kadar pun ia berada di paras \$1.00. Ada pula 50 sen saja dalam sebulan. Itu pun bukanlah untuk mencari keuntungan, tetapi bagi mengongkosi

perbelanjaan kecil yang diperlukan dalam berbagai perkara untuk menganjurkan kelas-kelas silat.

Selama ini juga, perkembangan silat di Singapura terus dikekalkan sebagai satu unsur kebudayaan yang sihat untuk menanam disiplin dan menyemarakkan jasmani kaum belia.

Dan sebagaimana usaha-usaha perkembangan budaya yang lain, soal pendapatan menjadi soal kedua biarpun sumber kewangan tetap diperlukan untuk terus mengendalikan kelas-kelas, persembahan majlis perkahwinan atau di pentas-pentas pertunjukan.

Satu pihak yang banyak memberikan pengorbanan mereka ialah para jurulatih silat yang memberikan perkhidmatan mereka secara sukarela.

Untuk masa-masa akan datang, selain memberikan perhatian kepada mutu dan taraf persilatan di kalangan para pesilat, Persisi juga telah mengatur rancangan untuk menambah pengetahuan pesilat dalam berbagai cabang pengetahuan berkaitan dengan alam persilatan.

Langkah terbaru ini akan dimulakan dengan penganjuran beberapa 'kursus singkat' untuk 72 orang para belia dan beliawanis yang telah mendapat tempat dalam pasukan silat kebangsaan.

Pasukan tersebut, yang dibahagikan kepada pasukan Olahraga dan pasukan Kesenian, akan mengikuti siri ceramah-ceramah yang akan diadakan dari masa ke masa.

Menerusi ceramah-ceramah tersebut, aspek-aspek sejarah, perubatan, adat istiadat, pantang larang, perkembangan semasa dan berbagai hal dunia persilatan akan disampaikan kepada parapesilat berkenaan.

Dengan cara ini para pesilat akan

mengenai ilmiah silat akan juga membantu mengharumkan nama para pesilat tempatan ketika ditanya oleh bangsa asing, sama ada semasa mereka mengadakan persembahan di sini atau ketika mengikuti rombongan pertunjukan di luar negeri.

Secara tidak langsung, mereka akan menjadi duta yang lengkap dengan bahan-bahan yang boleh digunakan bila peranan mereka diperlukan untuk memberikan penerangan tentang silat di negara ini dan lain-lain yang berkaitan.

Di samping itu, ada satu perkara yang lebih penting lagi berkait dengan perkembangan terbaru ini.

Dengan adanya dua cabang silat — jasmani dan teori — maka dengan sendirinya tahap dunia persilatan di sini, khasnya taraf para pesilat sendiri, telah ditingkatkan.

Bagaimanapun, sejauh mana taraf mereka ditingkatkan akan bergantung kepada sambutan yang bersungguh-sungguh diberikan oleh para pesilat yang berpeluang menjadi generasi pertama mengikuti latihan dan ceramah yang sedang diatur oleh Persisi.

Pada masa yang sama, susunan acara dan isi kandungan ceramah yang akan disampaikan nanti juga akan menjadi faktor penentunya.

## Minat mendalam

Sementara Persisi bercadang menjadikan rancangan ini satu perkembangan yang menguntungkan dunia persilatan, Encik Johari menerangkan pihaknya juga mahu memastikan bahawa para pesilat di sini adalah berdisiplin dan mempunyai minat yang mendalam terhadap seni silat. Yang suka ponteng-ponteng akan dikenakan tindakan, termasuk dipecah dari pasukan itu.

Satu lagi rancangan meluaskan penyertaan belia dalam mempelajari silat ialah menganjurkan kelas-kelas silat di beberapa banyak balai rakyat di sini, khasnya yang terletak di kawasan sesak kediaman penduduk. Nasib masadepan silat bukan saja terletak di tangan pemimpin Persisi, tetapi para belia yang mempelajarinya.